

23 FEB 2003

NAM-Aman/I

LEBIH 200,000 ORANG HADIRI PERHIMPUNAN AMAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Lebih 200,000 rakyat yang cintakan keamanan menyertai perhimpunan antiperang yang terbesar pernah diadakan di negara ini di Stadium Nasional di Bukit Jalil, di sini, malam ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyertai rakyat daripada semua lapisan masyarakat pada perhimpunan aman itu yang dianjurkan Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) yang memperjuangkan sebuah dunia aman yang komprehensif, tetap dan saksama.

Dr Mahathir menerima lebih 2.5 juta tandatangan yang dikumpul selama sebulan melalui kempen Sejuta Tandatangan daripada Presiden Pergerakan Belia 4B Datuk Wira Ali Rustam pada majlis itu.

Penaung Aman Malaysia Datuk Hishamuddin Tun Hussein juga menyerahkan memorandum dua muka surat mengandungi tujuh perkara daripada Rakyat Malaysia kepada Penduduk Seluruh Dunia kepada Dr Mahathir yang akan diserahkan kepada pemimpin-pemimpin yang mengahdiri Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di sini esok.

Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai bangsa, umur, agama dan profesion yang cintakan keamanan telah mula berhimpun di stadium beberapa jam sebelum acara itu bermula sebagai tanda sokongan mereka bagi keamanan dan menentang peperangan.

Hujan tidak melemahkan semangat mereka memenuhi stadium yang boleh memuatkan 100,000 orang. Sesetengahnya berhimpun di atas padang dan trek manakala lainnya mengikuti acara itu pada skrin gergasi yang terletak di luar stadium.

Perhimpunan itu disiarkan secara langsung oleh Radio dan Televisyen Malaysia.

Sesetengah peserta membawa sepanduk dengan slogan seperti "Cintai Keamanan dan Bukan Perang", semangat yang mencerminkan keprihatinan mereka terhadap ancaman perang ke atas Iraq oleh pasukan yang diterajui Amerika Syarikat dan kekejaman Israel terhadap rakyat Palestin.

Kumpulan keamanan yang mengusahakan kempen tandatangan dan perhimpunan itu terdiri daripada gabungan lebih 100 pertubuhan bukan kerajaan terdiri badan-badan sukarela, belia, beruniform, politik, agama dan kebajikan serta pelajar, profesional, kerajaan dan parti-parti pembangkang.

Objektif utama kumpulan itu ialah untuk menggerakkan semua lapisan rakyat Malaysia menerusi saluran bukan kerajaan ke arah menyelesaikan isu keamanan global.

Ia juga bertujuan menonjolkan pelbagai kelemahan seperti ketidakadilan, pilih kasih, pengabaian serta perbuatan salah dalam jenayah perang dan penggunaan senjata pemusnah dalam dasar dan tindakan negara kuasa besar barat.

Yang turut hadir ialah isteri perdana menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Majlis itu bermula dengan bacaan doa oleh semua agama diikuti dengan ucapan oleh Hishammuddin dan Dr Mahathir.

Dua puluh enam artis tempatan termasuk Siti Nurhaliza, Ning Baizura, Erra Fazira dan Yusri menghiburkan orang ramai.

-- BERNAMA

JM MAM RHM